

(B)

**PERGERAKAN ISLAM DALAM SEJARAH
SOSIAL DI MALAYSIA ANTARA TAHUN
1975 - 1985**

oleh

HAJI MUHAMMAD IDRIS BIN IBRAHIM

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi
syarat-syarat bagi
Ijazah Sarjana Sastera dan Sains Sosial

"Keseluruhan tesis ini ditulis dengan
perkataan sendiri, melainkan
nukilan-nukilan yang telah diakui"

Perpustakaan Universiti Malaya



A509137848

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA**

Dimikrofiskan pada..... 20.01.2000
No. Mikrofis..... 11404
Jumlah Mikrofis..... 4

HAMSIH BT. MOHAMAD ZAHARI
UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UGAMA
UNIVERSITI MALAYA

Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa:

"Rasulullah SAW bersabda : 'Sesiapa yang meninggal dunia dalam keadaan tidak beriman dan memisahkan diri dari jama'ah, maka kematiannya serupa dengan kematian masa jahiliyah. Dan sesiapa yang mati terbunuh di bawah bendera perjuangan membuta tuli, marah kerana mempertahankan kaumnya, berperang untuk menolong kaumnya, maka orang itu tiada termasuk dalam kalangan umatku. Sesiapa yang memisahkan diri dari umatku untuk membinasakan umatku, membunuh orang yang baik dan orang yang jahat tidak peduli bahawa yang dibunuhnya itu orang beriman, tidak memenuhi janji terhadap orang yang telah berjanji (tidak akan melakukan serang menyerang), maka orang itu tiada termasuk umatku."

Hadis Riwayat Muslim.

@@
@@
@@@@@@@@@@@@@@@@@@@@@@@@@@@@

"Sejarah Islam di Malaysia tidak banyak diketahui memandangkan tidak ramai sarjana yang mengambil berat terhadap 'Applied Islam' ."

Datuk Prof Dr. Khoo Kay Kim
(Dalam Kertas kerja "Ulamak dan Perjuangan" pada Muzakarah Ulama dalam Konteks Pembangunan dan Peradaban, sempena Maal Hijrah pada Julai 1991)

Karya penulisan ini dipersembahkan

***khusus untuk isteriku HAJJAH NOR ANISAH BINTI HAJI ABDUL MALEK
yang telah berkorban segala-galanya serta
anak-anak, buah hati penyeri kasih:***

MUHAMMAD FAKHRURAZI

MUHAMMAD FADHLI

AINUL FARHANA

MUHAMMAD FARIS

MUHAMMAD FARUQ

dan

MUHAMMAD FAWWAZ

Teristimewa untuk

Ayahanda IBRAHIM BIN ISMAIL

dan

Ibunda HAJJAH ASIAH BT HAJI MOHD SALEH

Serta

Allahyarham Ayahanda HAJI ABDUL MALEK BIN BUYONG

Dan

Bonda HAJJAH MASTURA BT ABDULLAH

Yang telah mengajar erti hidup dan perjuangan

SYNOPSIS

This work attempts to look at the contribution of Islamic movements and their continuing struggle in Malaysia since the beginning of the 20th century. The focus is on factors that brought about the existence of these movements. In Malaysia, there are three major types of Islamic movements. The first is in the form of political parties such as PAS and HAMIM. The second is the non-governmental organisations such as ABIM and al-Arqam and the third is in the form of government-sponsored charity organisations such as YADIM and PERKIM. However this research devotes to the political parties and non-governmental organisations which are represented by groups like PAS, PKPIM, ABIM, AL-ARQAM and JAMAAT TABLIGH. These groups represent the pattern and leadership trends of the Islamic Group activities during 1975 - 1985. This selection is also based upon the role that these Islamic movements have played and the fact that they represent dynamic national Islamic organisations, that have created a great impact on current social developments. In Malaysia, every group has its share in the development of Islam. Their presence have also helped towards the resurgence of Islam which caused the government to consider the demands for the implementation of Islamic principles and values in the administration and policy-making .

SINOPSIS

Kajian ini pada keseluruhannya melihat sumbangan dan kesinambungan perjuangan pergerakan yang berasaskan Islam di negara ini sejak awal abad ke 20, dengan penumpuan kepada faktor-faktor yang telah mendorong kelahiran badan-badan dan pergerakan-pergerakan Islam (*Harakah Islamiyyah*) dengan pelbagai corak dan pendekatan. Dalam konteks Malaysia, terdapat tiga kumpulan jemaah Islam, pertama berbentuk kepartian seperti PAS dan HAMIM, kedua bercorak sosial seperti ABIM dan al-Arqam dan ketiga berbentuk pertubuhan kebajikan yang ditaja kerajaan seperti YADIM dan PERKIM. Bagaimanapun, penyelidikan ini hanya membincangkan kumpulan-kumpulan yang bercorak kepartian dan sukarela yang diwakili oleh PAS, PKPIM, ABIM, AL-ARQAM dan JAMAAT TABLIGH. Jemaah-jemaah Islam ini dikira 'layak' mewakili pola dan trend-trend kepimpinan serta kegiatan-kegiatan badan Islam sepanjang tahun 1975 - 1985. Pemilihan ini juga berdasarkan peranan dan kenyataan bahawa pergerakan-pergerakan Islam tersebut adalah wadah Islam yang dinamis di peringkat nasional dan memberi kesan yang besar dalam mempengaruhi perkembangan sosial semasa. Kewujudan kelompok Islam ini sesungguhnya suatu keperluan. Di Malaysia, setiap kumpulan itu mempunyai saham dalam meningkatkan minat masyarakat terhadap Islam. Kehadiran mereka juga membantu berlakunya kebangkitan Islam sehingga akhirnya pemerintah akur terhadap permintaan-permintaan masyarakat dengan melancarkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam.